



INSURANS KECURIAN

Lembaran Pendedahan Produk

Nota Penting

1. Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memohon untuk Polisi Insurans Kecurian ini. Sila pastikan anda turut membaca terma dan syarat am polisi ini.
2. Anda harus memuaskan diri bahawa polisi ini akan memenuhi kehendak anda yang terbaik. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans ini dan berbincang dengan pengantara insurans atau menghubungi terus kepada kami untuk keterangan lanjut.
3. Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon untuk Insurans ini semata-mata untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga kontrak insurans Anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta sekiranya sebarang maklumat yang Anda berikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda telah berkuat kuasa, diubah atau diperbaharui dengan kami.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini akan memberikan pampasan jika harta anda mengalami kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecurian disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar premis menggunakan cara kekerasan dan keganasan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi anda terhadap:-

- a) kerugian mana-mana bahagian harta yang diinsuranskan ketika dalam premis: -
 - i) akibat kecurian dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar premis menggunakan cara kekerasan dan keganasan
 - ii) berikutan serangan atau kekerasan atau ancaman kepada Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pekerja Pihak Diinsuranskan
- b) Apa-apa kerosakan kepada harta yang diinsuranskan atau kepada premis akibat daripada kecurian atau sebarang percubaannya hendaklah terhad kepada 5% daripada Jumlah diinsuranskan atau RM2,500 mana yang lebih rendah

Dengan bayaran premium tambahan, perlindungan polisi ini boleh diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh peril tambahan berikut: -

- Kecurian tanpa melibatkan masuk ke atau keluar dari tempat dengan cara kekerasan and keganasan
- Rompakan bersenjata or rompakan

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis perniagaan anda ceburi, jenis barang diinsuranskan, nilai diinsuranskan (Nilai Penuh atau Berdasarkan Rugi Pertama), pemasangan jenis kelengkapan keselamatan atau langkah-langkah keselamatan yang dipasang dipremis anda.

4. Apakah kadar dan caj yang saya perlu bayar?

Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| a. Cukai Perkhidmatan | 8% daripada premium |
| b. Duti Setem | RM10 |

Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 25% daripada premium.

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan:** Anda mestilah mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan penajajaminan pada borang anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda, sebarang perubahan dalam pekerjaan di premis anda, dan lain-lain.
- Anda mesti memastikan yang borang cadangan siap dengan tepat kerana ia merupakan asas kepada kontrak insurans anda.
- **Jumlah Yang Diinsuranskan:** Anda harus memastikan yang harta anda adalah diinsuranskan pada jumlah yang sepatutnya.
- **Dasar Insurans:** Anda boleh memilih untuk menginsuranskan harta berdasarkan Nilai Penuh atau Rugi Pertama.
- **Nilai Penuh:** Dasar ini digunakan bila ada kemungkinan untuk semua harta dicuri pada masa yang sama. Nilai diinsuranskan merwakili nilai penuh harta anda yang diinsuranskan.
- **Rugi Pertama:** Dasar ini digunakan bila adalah tidak mungkin untuk semua harta anda dicuri pada masa yang sama. Anda perlu memilih jumlah yang mana pada pendapat anda mewakili potensi kerugian maxima yang boleh berlaku dalam satu kejadian.
- **Kesan dari ketidakcukupan nilai diinsuranskan:** Jika nilai diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar harta (Untuk Dasar Nilai Penuh) atau nilai harta yang diisytiharkan (Untuk Dasar Rugi Pertama) terdedah kepada risiko semasa berlakunya kerugian, anda telah dianggap kurang insurans dan kena menginsuranskannya sendiri perbezaannya. Syarat Purata akan dikenakan sekira berlakunya tuntutan.
- **Lebihan:** Ia merupakan jumlah yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami menggantikan kerugian anda.
- **Waranti Premium:** Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.
- Anda harus mengambil semua langkah-langkah pencegahan yang munasabah bagi mengelak insiden kecurian umpama harta benda anda tidak diinsuranskan.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- perlakuan sengaja atau kecuaiian sengaja
- kehausan dan keusangan
- kerugian turutan dalam apa jua bentuk
- kerugian atau kerosakan yang mana pengilang atau pembekal benda yang diinsuranskan akan dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang atau di bawah kontrak
- Perang, perang saudara dan mana – mana tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuclear

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian di bawah polisi ini

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Di atas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam polisi.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Apakah yang harus saya lakukan jika berlaku kemalangan?

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis dengan menyertakan butir-butir penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prejudis atas tuntutan anda.

10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan?

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang di lantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda.

11. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.general.com.my.

General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran: 197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,

27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121

E-mel: customer.service.gi@general.com.my

www.general.com.my

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang terpakai dinyatakan dalam kontrak polisi.

General Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam pendedahan ini adalah sah pada 24 Februari 2025.